

HARUN RAYU MUSA

KUALA LUMPUR, Sabtu.—Bekas Menteri Besar Selangor, Datuk Harun Haji Idris, berkata beliau akan menghantar surat rayuan kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Musa Hitam bagi membolehkan beliau memegang jawatan Naib-Presiden UMNO.

Bercakap kepada para pemberita di rumahnya di Jalan Duta selepas mengunjungi Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, beliau berkata, "Saya hanya menghantar surat rayuan tersebut selepas mengkaji surat Pendaftaran Pertubuhan yang bertarikh 24 Julai."

Pendaftaran Pertubuhan telah menolak surat rayuan Datuk Harun yang memohon

Laporan sekitar pembebasan Datuk Harun oleh Jamaludin Abu Bakar, Mior Kamarul Shahid, Yunus Alias dan Yunus Said.

beliau dikecualikan bagi membolehkannya memegang jawatan Naib-Presiden UMNO yang dimenangnya dengan mendapat 757 undi dalam Perhimpunan Agung UMNO Jun lalu.

Katanya, meskipun beliau mengharap diampunkan,

tetapi, "Saya puas hati dengan pengurangan hukuman penjara sekarang."

"Saya berharap ini sebagai langkah pertama untuk diampun sepenuhnya," harap beliau.

Datuk Harun yang nampak sihat dan bertenaga menerangkan beliau

memang mengharap diampun bagi membolehkan beliau bergiat semula dalam pertubuhan sukarela.

"Sekarang, jika saya hendak bergiat dalam Peratuan Bolasepak, saya terlebih dulu mesti mendapat kelulusan dari Pendaftaran Pertubuhan."

"Jadi, hidup saya nanti sentiasa dikawal oleh Pendaftaran Pertubuhan di samping sukar untuk saya untuk mencuba dalam bidang perniagaan sebagai pengarah atau sebagainya," kata beliau.

Mengenal masa depan politikinya, Datuk Harun berkata, beliau memang mahu memberi sumbangan kepada parti, bangsa, agama dan negara jika rakyat mahu beliau berbuat demikian.

Tetapi, katanya, sekarang beliau mahu berihat dulu dan akan bergiat semula di masa akan datang.

Beliau berterima kasih kepada perwakilan UMNO yang telah mengundinya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia